

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI TERENGGANU)

TARIKH: 1 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 32

Bomba sedia 45 bot bantu pindahkan mangsa

KUALA TERENGGANU – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Terengganu menyediakan 45 bot untuk tujuan memindahkan mangsa banjir dan menghantar bantuan serta bekalan makanan ke kawasan terjejas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad berkata, seramai 1,200 pegawai dan anggota bomba juga berada dalam keadaan bersiap siaga dan bertugas sepanjang musim tengkujuh.

"Alhamdulillah, pihak bomba berjaya menjalankan tugas dengan baik walaupun paras air di kawasan banjir terlalu tinggi sehingga mencecah 1.5 meter (m) hingga 1.7m sehingga boleh menenggelamkan orang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas



FOTO: PEMBAI TAMBAHAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Raja Kamarul Bahrin (dua dari kanan) bertanya khabar mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Setiu semalam.

melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) Balai Raya Kampung Besut, Setiu semalam. Sementara itu, Raja Kamarul

Bahrin berkata, kerajaan akan membuat penilaian kerugian yang dialami mangsa dan mereka yang layak akan diberikan bantuan sewajarnya.